

09 OCT 1999

Taib-Pilihan Raya

TAIB TIDAK MAHU ULAS KEDUDUKAN ABANG ABU BAKAR

KUCHING, 9 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud tidak mahu mengulas lanjut keputusan majlis tertinggi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) untuk menggugurkan Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar daripada senarai calon pilihan raya parti itu.

"Saya tidak akan mengesahkan atau menafikannya...biasanya saya tidak membuat keputusan," kata beliau kepada pemberita di sini, hari ini apabila diminta mengulas mengenai keputusan parti itu untuk menggugurkan Abang Abu Bakar di mesyuarat majlis tertingginya pada Isnin lepas.

Abdul Taib yang juga presiden PBB berkata sehingga beliau menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung senarai calon itu, beliau tidak mahu mengulas apa-apa mengenainya.

Pemuda PBB bahagian Matu Daro di kawasan Parlimen Kuala Rajang yang disandang oleh Abang Abu Bakar bagi empat penggal meminta beliau digugurkan daripada senarai calon pilihan raya.

Pemuda PBB itu mendakwa yang Abang Abu Bakar yang tewas dalam pertandingan bagi jawatan Timbalan Presiden PBB tahun lepas, tidak menjalankan kewajibannya sebagai wakil rakyat dengan berkesan.

Bagaimanapun Taib berkata, ia adalah proses biasa dalam PBB untuk menyaksikan sedikit perubahan dalam senarai calon di setiap pilihan raya.

Beberapa lagi wakil rakyat sekarang ini juga dijangka digugurkan dan diganti dengan calon lebih muda.

Sementara itu setiausaha akhbar Abang Abu Bakar, Ali Zulfakar Zainal berkata di Kuala Lumpur yang Menteri Pertahanan itu akan terus menunaikan tanggungjawabnya sebagai wakil Barisan Nasional (BN).

Ali Zulfakar berkata, Abang Abu Bakar akan terus menyumbang bakti sebagai anggota Parlimen tanpa memikirkan masa depan politiknya.

-- BERNAMA

CJ PR